



**PIHAK BERKUASA KEMAJUAN
PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH**
(KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH)

KENYATAAN TENDER

Pihak Berkusa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) mempelawa **pembekal-pembekal** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang **210101 dan 210102** untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan bekalan dan perkhidmatan seperti berikut:

No. Tender	Tajuk Bekalan	Taklimat Tapak (KEHADIRAN DIWAJIBKAN)	Tarikh / Waktu Tutup / Pejabat Yang Mengeluarkan Tender
7.0 - 05/2015	MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH DAN MENELENGGARA SEPANJANG TEMPOH JAMINAN PELBAGAI PERKAKASAN KOMPUTER UNTUK PUSAT TANGGUNGJAWAB RISDA	<u>09.04.2015</u> <u>(Khamis)</u> Waktu Pendaftaran: 9.30 – 10.30 pagi <ul style="list-style-type: none"> • Wajib membawa Sijil Asal MOF dalam bidang berkenaan yang masih sah tempoh laku serta satu (1) salinan fotostat; • Hanya penama di dalam Sijil MOF yang boleh menghadiri lawatan tapak dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama; • Pembekal yang lewat tidak akan dibenar menyertai tender. Waktu Taklimat: 11.00 pagi Tempat: Auditorium Sultan Ahmad Shah, Bangunan Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.	<u>30.04.2015</u> <u>(Khamis)</u> Jam: 12.00 Tengahari Urusetia: Lembaga Perolehan RISDA, Tingkat 7, Bahagian Kewangan dan Belanjawan, Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang, 50990 Kuala Lumpur.

Dokumen Tender berharga RM50.00 senaskah. Bayaran dokumen tender hendaklah dalam bentuk Wang Tunai / Kiriman Wang Pos atau Deraf Bank atas nama "**KETUA PENGARAH RISDA**". Bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Isnin hingga Khamis : Dari jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengahari dan dari jam 2.30 petang hingga 3.30 petang;

Jumaat : Dari jam 8.30 pagi hingga 11.30 tengahari dan dari jam 3.00 petang hingga 3.30 petang.

Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada pembekal yang sah saja. Satu pembekal dibenarkan membeli hanya satu naskhah dokumen tender sahaja. Untuk maksud ini, pembekal / wakil **wajib membawa Sijil Kehadiran Tapak dan Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang yang dinyatakan serta masih sah tempoh pendaftaran **serta DUA (2) salinan sijil** berkenaan untuk simpanan dan rekod bayaran pejabat ini semasa membeli dokumen tender. **PERKHIDMATAN FOTOSTAT TIDAK DISEDIAKAN.**

Dokumen **Tawaran Tender Teknikal** dan **Tawaran Tender Kewangan** yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan dalam **dua sampul surat berasingan yang bermeteri dan bertanda dengan jelas Nombor Tender dan Tajuk Bekalan**. Kedua-dua sampul tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul yang bermeteri dan bertanda dengan jelas Nombor Tender dan Tajuk Bekalan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti dinyatakan di atas.

RISDA tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran. Bukti pos tidak dianggap sebagai bukti penerimaan.

**"PEMBERI & PENERIMA RASUAH ADALAH SALAH DI BAWAH
AKTA SURUHANJAYA PENCEGAH RASUAH MALAYSIA (AKTA 694)"**